

09 DEC 1996

RTM-Korporat

RTM PERLU DIKORPORATKAN SECEPAT MUNGKIN, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) perlu dikorporatkan secepat mungkin bagi mengelakkan lebih banyak kakitangan terlatihnya berhijrah ke sektor swasta.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata, masalah penghijrahan kakitangan ke sektor swasta dan ketiadaan minat orang ramai untuk menyertai RTM kini berada pada peringkat kritikal.

"Kementerian telah menyiapkan kertas cadangan mengenai pengkorporatan RTM itu dan berharap mendapat peluang untuk berbincang dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengenai cadangan itu dalam bulan ini," katanya pada persidangan berita selepas majlis penghargaan Anugerah Kualiti (Q) RTM di Auditorium Angkasapuri di sini hari ini.

Mohamed berkata, sekiranya mendapat restu daripada Perdana Menteri, kementerian itu akan berunding pula dengan Unit Perancang Ekonomi bagi menyediakan kertas cadangan kepada Kabinet.

"Kita mengharapkan supaya RTM dapat dikorporatkan secepat mungkin atau selewat-lewatnya menjelang tahun 2000," katanya.

Katanya, antara kewajaran yang dikemukakan kenapa RTM perlu dikorporatkan ialah gaji yang ditawarkan kepada kakitangannya adalah rendah berbanding dengan sektor swasta.

Setakat ini sebanyak 400 tenaga mahir termasuk juruteknik telah meninggalkan RTM, katanya.

RTM juga sepatutnya memperolehi kebebasan untuk memilih tenaga pekerjanya yang terbaik melalui kadar upah yang ditentukannya sendiri berbanding keadaan sekarang apabila ia tidak mempunyai kebebasan untuk berbelanja kerana terpaksa mengikut prosedur yang sedia ada dan terhad, kata beliau.

Perkara-perkara itu perlu diselesaikan segera kerana jika dibiarkan ada kemungkinan RTM tidak dapat berfungsi dengan lebih cekap pada masa depan, katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, RTM tidak boleh diswastakan kerana terdapat beberapa kepentingan kerajaan yang dikuatiri akan terabai sekiranya ia diswastakan sepenuhnya.

Mohamed juga menegur stesen televisyen swasta yang menawarkan upah yang tinggi sehingga menyebabkan kakitangan kerajaan meninggalkan sektor itu.

"Sepatutnya kalau nak ambil pun, janganlah merosakkan pasaran dengan memberi upah yang terlalu tinggi kerana ia tidak menguntungkan sesiapa memandangkan orang yang diambil itu belum tahu boleh memberikan keuntungan yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, tawaran upah yang tinggi di pasaran hanya akan memburukkan lagi persaingan untuk mendapatkan tenaga kerja.

"Jangan nanti sampai satu peringkat mereka tidak mampu membayar upah yang tinggi itu, sedangkan hari ini industri penyiaran menghadapi persaingan pesat," katanya.

Tidak semua stesen itu akan untung besar dan dapat memberi gaji besar pada masa akan datang kerana mereka akan menghadapi kenaikan kos termasuk kos operasi yang hebat.

Bagaimanapun Mohamed berkata, kementerian akan berunding dengan semua stesen supaya dapat mengawal kadar penawaran upah kepada pekerja selain bekerjasama melahirkan lebih banyak tenaga mahir melalui pusat-pusat latihan.

Pada majlis itu seramai 79 kakitangan dan sembilan stesen RTM di

seluruh negara menerima anugerah cemerlang Kualiti. -- BERNAMA
BD NMO